Jelaskan Kepercayaan Kamu tentang Perbuatan Homoseksual

Gunakanlah lembaran kerja ini untuk membantu kamu memikirkan cara yang sesuai untuk menjelaskan kepercayaan kamu.

"Hendaklah kata-kata kamu sentiasa menyenangkan. . . . Dengan demikian, kamu akan tahu cara untuk menjawab setiap orang."—Kolose 4:6.

1

SEBELUM MENJAWAB, FIKIRLAH:

Kadang-kadang, apabila seseorang mengatakan bahawa Bible ketinggalan zaman, itu bukanlah maksudnya. Dia *sebenarnya* tidak bersetuju dengan ajaran Bible. Adakah kamu rasa bahawa orang itu menganggap *semua* ajaran Bible ketinggalan zaman—termasuk ajaran yang melarang perbuatan mencuri, berzina, dan membunuh?—Roma 13:8-10.

Apakah yang mungkin menyebabkan dia berfikir seperti itu?	Apakah soalan yang dapat kamu tanya untuk lebih memahami pandangannya?	Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

TULISKAN JAWAPANMU

"Bible sudah ketinggalan zaman!"

"Ada orang yang berkata begitu. Tapi, bagi saya . . . "

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania

2

"Orang yang mempunyai keinginan homoseksual tidak dapat berubah –mereka memang dilahirkan begitu."

SEBELUM MENJAWAB, FIKIRLAH:

Bible tidak menyatakan sama ada keinginan homoseksual wujud dalam diri seseorang secara semula jadi atau tidak. Jadi, daripada berdebat tentang *sebabnya* seseorang mempunyai keinginan itu, lebih baik berfokus kepada *perbuatan* itu.

Fikirkan contoh yang lain. Apakah sifat-sifat lain yang mungkin sudah berakar dalam diri seseorang? Contohnya, Amsal 29:22 menyatakan bahawa sesetengah orang *"cepat marah."* Rasul Paulus juga berkata, "Apabila aku mahu melakukan apa yang baik, apa yang jahat ada padaku." (Roma 7:21) Namun patutkah kita selalu bertindak mengikut perasaan?

Apakah yang mungkin menyebabkan dia berfikir seperti itu?	Apakah soalan yang dapat kamu tanya untuk lebih memahami pandangannya?	Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

TULISKAN JAWAPANMU

"Orang yang mempunyai keinginan homoseksual tidak dapat berubah–mereka memang dilahirkan begitu."

"Bible tidak menyatakan sama ada keinginan homoseksual wujud dalam diri seseorang secara semula jadi atau tidak. Tapi Bible *menyatakan* bahawa . . . "

_____

_____

_____

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania

3

SEBELUM MENJAWAB, FIKIRLAH:

Adakah dia mempunyai kawan atau ahli keluarga yang merupakan gay atau lesbian? Adakah dia berfikir bahawa jika kamu membenci *perbuatan* homoseksual, itu bermaksud bahawa kamu membenci *orang itu?* Adakah dia benar-benar *memahami* pandangan kamu tentang perbuatan homoseksual?

Fikirkan juga: Jika seseorang meminta kamu untuk bersetuju dengan pandangannya, adakah dia seorang yang bertolak ansur?

Apakah yang mungkin menyebabkan dia berfikir seperti itu?	Apakah soalan yang dapat kamu tanya untuk lebih memahami pandangannya?	Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

TULISKAN JAWAPANMU

“Kamu patut ubah pandangan kamu tentang perbuatan homoseksual.”

“Saya faham kenapa kamu berasa begitu. Tapi, . . . ”

_____

_____

_____

Untuk mengetahui lebih banyak, lihat *Pertanyaan Kaum Muda—Jawaban yang Praktis,* Jilid 1, Pasal 23: “Apa Pandangan Alkitab tentang Homoseksualitas?” Buku ini terdapat dalam bahasa Indonesia di www.jw.org./id. Lihat bahagian PUBLIKASI > BUKU & BROSUR.

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania